



**GARIS PANDUAN ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI (AAU)**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**(EDISI TAHUN 2016)**

Senarai Rekod Kelulusan

Tarikh kuatkuasa	Kelulusan
6 Disember 2016	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Kelulusan Mesyuarat Senat kali ke-130 Bil.11/2016 (6 Disember 2016)</li><li>▪ Perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Perancangan Akademik (JPPA) Kali ke-66 Bil.8/2016 (8 November 2016)</li></ul>

**PUSAT INOVASI DAN DAYA SAING AKADEMIK**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

## **KANDUNGAN**

1. PENGENALAN.....	4
2. KATEGORI ANUGERAH.....	4
3. SYARAT-SYARAT ASAS PENYERTAAN DAN PROSEDUR PENCALONAN....	4
4. KAE DAH PENILAIAN.....	5
5. HADIAH PEMENANG.....	6
6. PROSEDUR PERMOHONAN.....	6

# **PANDUAN PERMOHONAN**

## **ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI (AAU)**

## **UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

## **1. PENGENALAN**

Anugerah Akademik Universiti (AAU) merupakan antara anugerah tahunan berprestij Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang bertujuan untuk:

- mengiktiraf sumbangan serta kepakaran staf Akademik UMP dalam bidang Pengajaran dan Pembelajaran (PdP);
- memberi galakan dan rangsangan kepada staf Akademik untuk terus berusaha lebih gigih bagi mencapai kecemerlangan Universiti dalam melahirkan modal insan yang berkualiti menerusi tugas pengajaran, penyeliaan, pembelajaran dan lain-lain;
- meningkatkan motivasi ahli akademik melalui pendekatan inovasi dan kreativiti dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

## **2. KATEGORI ANUGERAH**

**2.1** Terdapat 2 kategori anugerah utama yang dipertandingkan iaitu:

- i. **Anugerah Pengajaran (AP)**
  - Kategori Kejuruteraan
  - Kategori Sains Gunaan
  - Kategori Sains Sosial
- ii. **Anugerah Ahli Akademik Harapan (AAAH)**

## **3. SYARAT-SYARAT ASAS PENYERTAAN DAN PROSEDUR PENCALONAN**

- i. **Anugerah Pengajaran (AP)**
  - Pegawai akademik berstatus tetap atau kontrak
  - Umur 35 tahun dan ke atas pada 1 Januari tahun permohonan
  - Pengalaman mengajar selama 3 tahun ke atas di IPT
  - Markah LNPT **80% ke atas bagi penilaian Tahun permohonan**
  - Markah e-PAT **sekurang-kurangnya 85% bagi penilaian Semester yang dinilai/dimohon**
  - Sekiranya telah memenangi Anugerah Pengajaran (AP) pada tahun semasa tidak boleh memohon untuk tahun berikutnya
  - Setiap fakulti/pusat boleh mencalonkan **maksimum enam (6) orang pegawai akademik** yang layak
- ii. **Anugerah Ahli Akademik Harapan (AAAH)**
  - Pegawai akademik berstatus tetap atau kontrak

- Umur kurang dari 35 tahun pada 1 Januari tahun permohonan
- Pengalaman mengajar selama 1 hingga 5 tahun di IPT
- Markah LNPT **80% ke atas bagi penilaian Tahun permohonan**
- Markah e-PAT sekurang-kurangnya **85% bagi penilaian Semester yang dinilai/dimohon**
- Telah mencapai status "*Blended Learning*" dalam KALAM
- Tidak pernah memenangi mana-mana kategori AAU sebelum ini
- Setiap fakulti/pusat dikehendaki mencalonkan **sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai akademik** yang layak

#### 4. KAE DAH PENILAIAN

PROSES PENILAIAN	KATEGORI ANUGERAH	
	ANUGERAH PENGAJARAN (AP)	ANUGERAH AHLI AKADEMIK HARAPAN (AAAH)
Saringan Pertama (40%)	Penilaian Professional ( <i>Peer Evaluation</i> ) - Dekan, rakan sejawat, dan pelajar (20%)	Penilaian Professional ( <i>Peer Evaluation</i> ) - Dekan, rakan sejawat, dan pelajar (10%)
	<i>Teaching Portfolio</i> melalui inovasi yang dibuat berdasarkan elemen Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) sedia ada (penyediaan bahan bantuan mengajar, bahan kuliah dan rujukan, kaedah penaksiran dan hasil pembelajaran) serta <b>elemen 5 P tambahan</b> iaitu (50%): <ul style="list-style-type: none"> <li>• Falsafah dan inovasi pengajaran</li> <li>• Penyelidikan dan penerbitan</li> <li>• Pengiktirafan akademik</li> <li>• Perkhidmatan universiti</li> <li>• Penyeliaan</li> </ul>	<i>Teaching Portfolio</i> melalui inovasi yang dibuat berdasarkan elemen Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) sedia ada (penyediaan bahan bantuan mengajar, bahan kuliah dan rujukan, kaedah penaksiran dan hasil pembelajaran) serta <b>elemen 5 P tambahan</b> iaitu (55%): <ul style="list-style-type: none"> <li>• Falsafah dan inovasi pengajaran</li> <li>• Penyelidikan dan penerbitan</li> <li>• Pengiktirafan akademik</li> <li>• Perkhidmatan universiti</li> <li>• Penyeliaan</li> </ul>
	Sesi praktikum (calon mengendali sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berdasarkan inovasi PdP untuk penilaian) (30%)	Sesi praktikum (calon mengendali sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berdasarkan inovasi PdP untuk penilaian) (35%)
Saringan Akhir (60%)	Penilaian akhir (bagi calon yang mendapat <b>sekurang-kurangnya 80%</b> dalam Penilaian Saringan Pertama) melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mock teaching</li> <li>• Temubual bersama panel</li> </ul>	Penilaian akhir (bagi calon yang mendapat <b>sekurang-kurangnya 80%</b> dalam Penilaian Saringan Pertama) melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mock teaching</li> <li>• Temubual bersama panel</li> </ul>

#### 5. HADIAH PEMENANG

**5.1** Pemenang AAU yang berjaya di peringkat akhir akan dianugerahkan:

ANUGERAH	KATEGORI	HADIAH
<b>Anugerah Pengajaran (AP)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kategori Kejuruteraan</li> <li>• Kategori Sains Gunaan</li> <li>• Kategori Sains Sosial</li> </ul> <p>- Minimum 1 pemenang untuk 1 kategori sekiranya layak</p> <p>- Tiada had pemenang sekiranya ramai calon yang layak</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM5,000.00</li> <li>• Sijil Penghargaan</li> <li>• Trofi</li> </ul>
<b>Anugerah Ahli Akademik Harapan (AAAH)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada kategori ditetapkan.</li> </ul> <p>- 1 Pemenang untuk setiap fakulti (sekiranya layak)</p> <p>- Tiada had pemenang sekiranya ramai calon yang layak</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• RM3,000.00</li> <li>• Sijil Penghargaan</li> <li>• Trofi</li> </ul>

## 6. PROSEDUR PERMOHONAN

- 6.1** Pemohon yang berkelayakan serta memenuhi syarat-syarat asas yang ditetapkan **hanya boleh mengemukakan salah satu (1) permohonan sahaja** berdasarkan kategori yang dipertandingkan.
- 6.2** Pemohon perlu melengkapkan Borang Permohonan AAU sebagaimana yang disediakan.
- 6.3** Sekiranya melepas syarat-syarat asas penyertaan, pemohon perlu menyediakan beberapa **dokumen utama** yang berkaitan seperti:
- Penyataan ringkas (*Teaching Portfolio*) berkaitan inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang telah dilaksanakan
  - Rancangan pengajaran (*Teaching File*) bagi satu (1) kursus yang diajar untuk **semester yang dinilai/dimohon**
  - Kaedah pengendalian sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berasaskan inovasi PdP melalui rakaman video/praktikum untuk **semester yang dinilai/dimohon**.
- 6.4** Dokumen sokongan yang perlu dilampirkan bersama iaitu:
- *Curriculum Vitae* (CV) dan pencapaian calon

- Contoh bahan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang digunakan
- 6.5 Penyediaan *Teaching Portfolio* adalah secara:
- 6.5.1 salinan keras (*hard copy*) mengikut kreativiti pemohon seperti menggunakan fail putih 2D yang bersesuaian atau berbentuk naskah; **dan**
  - 6.5.2 salinan lembut (*soft copy*) **dalam format .pdf**
- 6.6 Format *Teaching Portfolio* adalah merangkumi:
- *Resume*
  - *Teaching Philosophy*
  - *Teaching Approaches*
  - *Learning Assessment*
  - *Teaching Materials*
  - *e-PAT*
  - *Professional Development*
  - *Achievements*
  - *Momentos*
  - *Appointment Letters*
- 6.7 Tarikh tutup penyerahan dokumen permohonan yang lengkap untuk dikemukakan kepada pihak Urus Setia AAU adalah **sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan untuk permohonan tahun semasa** secara:
- 6.7.1 salinan keras (*hard copy*) perlu dihantar ke Pejabat Pentadbiran Pusat Inovasi Dan Daya Saing Akademik (PIDA), UMP Pekan.
  - 6.7.2 **Permohonan penyertaan yang dikemukakan selepas tarikh tutup tidak akan diterima untuk penilaian.**